

Pelajar tahun akhir SPS UMS anjur teater 20 Disember ini

UB 12.12.2012 B26

Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH
i.sabkhanUB@gmail.com

PELAJAR tahun akhir Sekolah Pengajian Seni (SPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan teater yang bertajuk 'Prebet Cinta Berahi' pada 20



ILYA

Disember jam 8 hingga 10 malam di Dewan Resital, SPS UMS.

Pelakon Pementasan, Ilya Rusaidi berkata objektif utama teater berkenaan adalah untuk mendedahkan mahasiswa dan mahasiswa

UMS serta kepada masyarakat tentang pengurusan pentadbiran festival yang melibatkan organisasi luar dan orang awam.

Menurutnya, ia juga bagi memberi peluang kepada pelajar UMS serta para pelajar luar yang berminat menceburkan diri dalam kegiatan berpasukan yang mencabar seperti teater untuk menunjukkan bakat dan kreativiti masing-masing.

"Ini juga bagi

menjadikan projek akhir sebagai medan latihan mengaplikasikan ilmu teater yang telah dipelajari oleh pelajar khususnya pelajar tahun akhir serta para pelajar luar.

"Selain itu, teater ini turut memberi peluang kepada para pelajar UMS untuk berinteraksi secara aktif, bertukar-tukar fikiran dan mencungkil bakat dalam persesembahan teater serta menjalankan hubungan dua hala antara pelajar lama dan pelajar baru," katanya di sini, kelmarin.

Ilya berkata, teater berkenaan juga untuk memohon kelulusan dan peruntukan kewangan dari pihak SPS bagi membantu meringankan beban kewangan untuk menampung kos perlaksanaan projek akhir.

Beliau yang memegang watak Sofea dalam teater itu berkata, teater 'Prebet Cinta Berahi' adalah genre realisme yang diadaptasi daripada naskhah 'Street Car Named Desire' hasil karya penulis agung karya teater moden di Amerika



ILYA (dua kiri) bersama para pelakon pementasan berkenaan

iaitu Tennese Williams.

"Sebelum ini, karya moden ini telah diadaptasi menjadi Trem Bernama Desire untuk diperkenalkan di Malaysia, oleh itu 'Thespian Laboratory' telah mengadaptasikannya mengetengahkan masalah manusia terutamanya sekali perihal wanita yang begitu

iaitu antara kehidupan masyarakat tempatan di Bandaraya Kuala Lumpur dengan Timur.

"Hal ini kerana, karya Tennese Williams itu sebenarnya mengetengahkan masalah manusia terutamanya sekali perihal wanita yang begitu

lemah, rapuh, senang dibinasa dan menjadi mangsa kaum lelaki di Barat ketika itu yang juga dapat kita lihat di Malaysia pada masa kini.

"Namun, masalah ini kurang diberi perhatian oleh segelintir masyarakat. Oleh itu, melalui pementasan

teater ini, dapatlah dijadikan sebagai media kritikan untuk menyampaikan mesej ini kepada penonton yang juga masyarakat tempatan," katanya.

Orang ramai diminta hadir untuk melihat sendiri pementasan teater berkenaan.